

28/03/2003

NSTP kumpul lebih RM731,000 untuk tabung DTC

KUALA LUMPUR: Penghargaan terhadap Dewan Tun Canselor (DTC) Universiti Malaya (UM) sebagai tempat bersejarah yang melahirkan ramai cendekiawan negara, orang ramai termasuk beberapa orang kenamaan dan pertubuhan tampil

menderma kepada Tabung Pembinaan Semula DTC yang ditubuhkan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

NSTP dalam kempen tabung yang diwujudkan sejak 1 Julai 2001 hingga awal

tahun ini berjaya mengumpul RM731,402.79 untuk disumbangkan bagi membangun

semula DTC dan meneruskan fungsinya kepada masyarakat kampus UM dan negara amnya.

Upacara menyampaikan sumbangan dilakukan Penyelaras Kewangan NST, Syed Faisal Albar kepada Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain pada majlis di universiti itu kelmarin.

Syed Faisal berkata, penderma pertama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan satu simposium di UM, manakala sumbangan terakhir diterima daripada Barisan Nasional (BN) sebanyak RM20,000.

"Inisiatif menubuhkan tabung ini dibuat dua hari selepas laporan kebakaran oleh media dan NSTP yang mendapat sambutan daripada orang kenamaan dan orang ramai," katanya.

Sementara itu, Dr Anuar berkata, UM yang melancarkan tabungnya sendiri berjaya mengumpulkan sumbangan RM615,099.40 dan kutipan terus berjalan hingga hari ini.

Katanya, kerja pembinaan semula DTC sudah dimulakan sejak 23 Mac tahun lalu, 24 jam sehari dan siap empat bulan tiga minggu kemudian dengan kos RM13.5 juta menerusi peruntukan dalaman UM sendiri.